

20/10/2003

Umno Terengganu mahu hadiahkan kejayaan kepada Dr Mahathir

DUNGUN: Umno Terengganu mahu menjadikan kemenangan Barisan Nasional (BN) menawan semula negeri itu pada pilihan raya umum akan datang sebagai hadiah persaraan terbaik bagi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh, berkata kesungguhan rakyat Terengganu untuk mengubah pentadbiran kerajaan negeri jelas tergambar dalam simulasi pilihan raya yang diadakan di seluruh negeri, kelmarin.

Katanya, rakyat sudah tidak sabar dan ghairah untuk mengubah nasib mereka kerana kerajaan Pas dilihat tidak mampu membawa sebarang perubahan terutama pembangunan untuk mereka.

"Jika dilihat pada semangat yang ditunjukkan, tidak mustahil BN akan kembali memerintah negeri ini. Ini berdasarkan kepada beberapa ceramah Pas yang tidak lagi mendapat sambutan.

"Malah, ada ceramah Pas yang hanya dihadiri antara enam dan 15 orang sehingga terpaksa dibatalkan. Ini adalah sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan pelancaran serentak Pusat e-Komuniti di Bandar Ketengah Jaya dan Lubuk Lesong dekat sini, semalam.

Pusat e-Komuniti di Bandar Ketengah Jaya dan Lubuk Lesong adalah pusat ke-26 yang ditubuhkan di wilayah Ketengah sejak dua tahun lalu.

Pusat e-Komuniti di wilayah Ketengah itu adalah program teknologi maklumat di luar bandar yang terbaik di negara ini sehingga kini sudah melatih kira-kira 5,000 penduduk di wilayah berkenaan.

Ketengah memperuntukkan kos sebanyak RM8 juta untuk tujuan itu dan program berkenaan berjaya mencapai matlamatnya iaitu melatih dan memperkenalkan penduduk luar bandar dengan teknologi maklumat.

Selain itu, satu jawatankuasa yang dianggotai anak Terengganu yang bekerja di ibu negara juga sudah ditubuhkan bertujuan memberi bantuan dari pelbagai aspek termasuk teknikal bagi menjayakan program itu.

Idris berkata, jentera pilihan raya BN negeri sudah siap untuk digerakkan dan hanya menunggu tarikh sebenar pilihan raya umum.

"Dalam simulasi pilihan raya yang kita adakan kelmarin, sambutan yang diterima amat menggalakkan. Berdasarkan tinjauan yang kita buat, ada antara pengundi yang terpaksa berbaris panjang dan ia kelihatan seperti pilihan raya sebenar.

"Tujuan kita mengadakan simulasi pilihan raya itu untuk menyampaikan mesej kepada pucuk pimpinan bahawa kami sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya.

"Selain itu, kami juga ingin menguji tahap kesediaan dan komitmen petugas pilihan raya," katanya.